

KEMANGKATAN SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

1928
2014

DH. 29/5/14 MS9



Kemangkatan Sultan Azlan Shah adalah kehilangan besar bukan saja kepada rakyat Perak, sebaliknya dirasai seluruh negara. Almarhum seorang yang penyayang, berhemah tinggi dan sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat, khususnya rakyat Perak”

Datuk Seri Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah



Kerajaan negeri dan rakyat Sabah, merafakkan sembah takziah kepada seluruh kerabat diraja, kerajaan negeri dan rakyat Perak atas kemangkatan Sultan Azlan Shah dengan doa semoga roh Almarhum Tuanku dicucuri rahmat Allah SWT”

Datuk Seri Musa Aman,
Ketua Menteri Sabah



Sifat lemah lembut tawan hati rakyat

» Pemergian baginda kehilangan besar kepada negeri, rakyat Perak

► Gerik

“**B**aginda mengambil sebuah buku geografi, seraya bertanyakan kepada saya, sama ada sebutannya berbunyi ‘geografi’ atau ‘jografi’ sambil tersenyum.

“Melihat diri yang sedikit menggigil, baginda mententeramkan keadaan saya yang kemudian menjawab sebutan geografi,” imbas Mohd Razli Ahmad, 59, ketika mengenang gurauan Almarhum Sultan Azlan Shah, yang melawat sudut pameran Toko Buku Zali kendaliannya, kira-kira 25 tahun lalu.


Beliau yang juga Ketua Kampung Lenggong, berkata ketika itu Almarhum yang berjiwa rakyat, baru selesai menyempurnakan perasmian Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Shah (SMKSAS) di Changkat Berangan, Lenggong di sini.

Selalu turun padang jumpa rakyat

Katanya, baginda Sultan jelas seorang yang mempunyai sifat lemah lembut terhadap rakyat hingga sanggup mencemar duli turun padang termasuk ke kawasan pedalaman seperti Hulu Perak.

“Pemergian baginda satu kehilangan yang besar kepada negeri serta rakyat Perak. Kami amat terasa kehilangannya dan mendoakan semoga roh baginda dicucuri rahmat,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peneroka FELDA Bersia, Mohamad Hanipah Teh, 73, mengakui Sultan Azlan Shah mengemari ulam-ulaman termasuk umbut bayas, selain masakan



“**Saya masih ingat gurauan baginda mengenai sebutannya berbunyi ‘geografi’ atau ‘jografi’. Melihat diri yang sedikit menggigil, baginda mententeramkan saya”**

Mohd Razli Ahmad,
Ketua Kampung Lenggong



“**Baginda begitu memberi sumbangan dalam pembangunan sukan negeri ini dan negara. Baginda yang pernah jadi Ketua Hakim Negara, membuatkan saya rasa bangga dan bertuah”**

Nor Afzainizam Salleh,
Pekerja swasta



“**Baginda seorang Sultan yang sangat menitikberatkan soal keagamaan hingga menyaksikan banyak masjid di negeri ini diperbaharui”**

Norliza Abd Hamid,
Pekerja persendirian



“**Keperibadian dan ketokohan baginda dengan pendidikan tinggi hingga menjadi Ketua Hakim Negara cukup mengagumkan saya”**

Datuk Jamal Abdillah,
Penyanyi

kampung ketika berangkat ke bandar ini.

“Ketika melawat Gerik kira-kira 10 tahun lalu, baginda meminta dihidangkan pelbagai masakan kampung untuk santapan bersama rakyat jelata.

“Kesanggupan datang ke Hulu Perak untuk bertanya khabar penduduk kampung termasuk Orang Asli di sini, membuktikan baginda seorang pemerintah berjiwa rakyat,” katanya.

Hanipah berkata, kesudian berangkat bertemu peneroka FELDA Bersia selepas merasmikan Kompleks Mahkamah Syariah Gerik tidak lama dahulu, membuatkan masyarakat FELDA

di Hulu Perak ini mengagumi baginda.

Pemandu lori dari Teluk Intan, E Govindaraju, 58, berkata beliau masih teringat kenangan disapa Almarhum ketika menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada 2004.

“Baginda bertanya khabar mengenai diri ketika itu, membuatkan saya tergamam dengan kemesraan ditunjukkan. Pingat yang disemat dan peristiwa itu sentiasa kekal dalam ingatan saya terhadap baginda,” katanya.

Di Ipoh, pekerja swasta, Nor Afzainizam Salleh, 39, dari Kuala Pari Hilir, melahirkan rasa terkejut dan sedih dengan berita

kemangkatan Sultan Azlan Shah.

Banyak beri sumbangan

“Baginda begitu banyak memainkan peranan dan memberi sumbangan dalam pembangunan sukan di negeri ini dan negara. Pencapaian baginda yang pernah menjadi Ketua Hakim Negara, membuatkan saya rasa bangga dan bertuah kerana mempunyai Sultan berpendidikan tinggi memerintah negeri ini,” katanya.

Pekerja persendirian, Norliza Abd Hamid, 28, berkata beliau menyanjung tinggi baginda yang disifatkan seorang Sultan yang sangat menitikberatkan soal ke-

agamaan hingga menyaksikan banyak masjid di negeri ini diperbaharui.

Kontraktor di Bercham, Yeen Chin Hoo, 36, berkata beliau kagum dengan kewibawaan Sultan Azlan Shah yang menerajui negeri dengan adil dan saksama tanpa mengira bangsa.

Mahir tadbir negeri

“Baginda berjaya memenangi hati rakyat dengan cara pemerintahan yang baik dan mahir mengawal negeri dalam memastikan rakyat berbilang kaum hidup aman dan tenteram walaupun berbeza fahaman politik,” katanya.